

# 'Fiesta Makanan' jadi acara tahunan

UM 15 JUL 2002

KUALA LUMPUR 14 Julai — Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menjadikan 'Fiesta Makanan dan Buah-Buahan 2002' sebagai acara tahunan yang akan disambut pada setiap bulan Julai.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid berkata, langkah itu diambil berikutan sambutan yang menggalakkan baik di kalangan para peniaga mahupun para pengunjung.

"Apa yang menarik ia bukan sahaja dikunjungi oleh pelancong domestik malah para pelancong asing berikutan kedudukan tapak fiesta yang begitu strategik iaitu di Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri upacara

penutup 'Fiesta Makanan dan Buah-Buahan 2002' yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat lepas.

Upacara penutup fiesta itu telah dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, di sini malam ini.

Sebagai tanda simbolik penutupan upacara itu, Dr. Siti Hasmah yang dibantu oleh Dr. Mahathir telah menyempurnakan masakan 'kway teow' terpanjang yang mencatatkan masa selama 50 jam tanpa henti.

Kejayaan yang dicapai oleh Persatuan Jurumasak Malaysia (PJM) itu secara langsung telah mencatatkan rekod baru oleh Malaysia Book of Records yang mana sebelum ini dicatatkan masa 48 jam.

Tengku Alaudin berkata, pihaknya yakin usaha ini jika dilaksanakan ia bukan sahaja berjaya mempromosikan makanan dan buah-buahan tempatan yang terdapat di negara ini malah berjaya menarik lebih ramai pengunjung tempatan mahupun pelancong asing.

"Berdasarkan tinjauan yang kami buat dalam tempoh tiga hari ini sekitar 60,000 pengunjung telah datang ke fiesta tersebut," katanya

Terdahulu dari itu Perdana Menteri dan isteri telah diraikan dengan persembahan nyanyian oleh Kumpulan Orkestra Alaoui Andalusia yang diimport khas dari Maghribi.